

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG
KAWASAN : TEBRAU
TARIKH : 14 OKTOBER 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah anggaran kutipan tol tahunan di CIQ Johor Bahru. Adakah ia mencukupi untuk menampung bayaran kepada pihak konsesi yang membina Eastern Dispersal Link (EDL) serta impaknya terhadap ekonomi negeri Johor dan negara secara jangka pendek dan panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Lebuhraya Eastern Dispersal Link (EDL), Johor Baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas pada 1 April 2012. Lebuhraya EDL ini berfungsi untuk menyuraikan masalah kesesakan trafik di Jalan Tebrau, Jalan Pandan dan Jalan Skudai di mana ia memberi kemudahan laluan terus ke Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar tanpa perlu lagi memasuki jalan-jalan utama di pusat bandar Johor Bahru.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menguatkuasakan kadar tol di Lebuhraya EDL pada 1 Ogos 2014. Rasional kadar tol ini ialah untuk menampung kos pembinaan dan penyelenggaraan Lebuhraya EDL. Kadar tol ini tidak melibatkan kadar tol sedia ada di Tambak Johor di mana kadar tol di Tambak Johor masih lagi kekal mengikut kadar semasa. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan pengguna daripada terpaksa berhenti 2 kali, tol bagi Lebuhraya EDL ini dikutip secara bersekali di Kompleks CIQ di Bangunan Sultan Iskandar.

Ia juga bertujuan untuk mengelakkan berlaku masalah kesesakan di Tambak Johor. Kadar tol tidak dikenakan kepada kenderaan yang menggunakan EDL tanpa melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar untuk ke/dari Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian impak ekonomi terhadap kesan daripada kadar tol itu masih belum dijalankan berikutan kutipan tol untuk Lebuhraya EDL baru sahaja dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2014 yang lalu.

Sekian. Terima kasih.